

## Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pelbagai Gred dalam Kelas Bercantum

### *(Implementation of Multi-Grade Teaching and Learning in Combined Classes)*

Hiew Peggy<sup>1</sup> , Aida Hanim A. Hamid<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p112327@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: aidahanim@ukm.edu.my

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Aida Hanim A. Hamid  
(aidahanim@ukm.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Kelas bercantum  
Pengajaran dan pembelajaran  
pelbagai gred  
Sekolah Kurang Murid  
Kepimpinan guru besar

#### KEYWORDS:

Combined class  
Multigrade teaching and  
learning  
Low Enrolment School  
Head teacher's leadership

#### CITATION:

Hiew Peggy & Aida Hanim A. Hamid.  
(2023). Pelaksanaan Pengajaran dan  
Pembelajaran Pelbagai Gred dalam Kelas  
Bercantum. *Malaysian Journal of Social  
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5),  
e002304.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2304>

#### ABSTRAK

Bertugas di sekolah kurang murid di sekolah luar bandar amatlah mencabar kepimpinan guru besar dan guru-guru selaku pelaksana. Kajian ini bertujuan untuk meninjau bagaimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum dua buah Sekolah Kurang Murid yang terletak di daerah Subis, Sarawak. Objektif-objektif kajian adalah untuk mengenal pasti bagaimana kepimpinan guru besar mengurus pelaksanaan kelas bercantum dan bagaimana guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum. Kajian ini adalah berpandukan kerangka konseptual kajian LEPO. Melalui kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini, dapatan diperoleh melalui analisis dokumen kajian-kajian lepas, borang pemerhatian dan hasil temu bual dengan lapan orang responden yang terdiri dua orang daripada guru besar, 6 orang guru subjek. Hasil kajian mendapati terdapat sedikit perbezaan dari segi aspek pengurusan pelaksanaan kelas bercantum manakala banyak persamaan dari segi cara dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum. Penemuan ini membolehkan penggubal dasar melihat semula dasar-dasar pendidikan di Malaysia. Kajian ini memberi implikasi terhadap penggubal dasar, kepimpinan guru besar dan latihan dan kursus guru. Kajian lanjutan yang lebih luas dan melibatkan murid sebagai responden dicadangkan agar dapat mengesan sekali gus meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid demi untuk pendidikan yang berkualiti di luar bandar.

#### ABSTRACT

Working in Low Enrolment School in a rural area is extremely challenging the headmaster's leadership as well as the teachers. The purpose of this study is to review how the implementation of multigrade teaching and learning in combined classes in two selected schools in Subis district,

Sarawak. The objectives of the study are to identify how the headmaster's leadership manages the implementation of combined classes and how teachers implement multigrade teaching and learning in their combined classes. This research is guided by the LEPO conceptual framework. Through a qualitative research in the form of this case study, findings were obtained through document analysis of past studies, an observation form and the results of interviews with eight respondents consisting of two head teachers and 6 subject teachers. The results of the study found that there are slight differences in terms of management aspects of the combined classes while many similarities are found in terms of the way and implementation of teaching and learning of various grades in blended classes. This study has implications for policy makers, head teacher leadership and teacher training and courses. A broader follow-up study involving students as respondents is suggested in order to detect and improve the effectiveness of student learning for the sake of quality education in rural areas.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini adalah salah satu kajian yang menyiasat dengan lebih mendalam aspek pengurusan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kelas bercantum di sekolah kurang murid. Kajian ini juga secara tidak langsung menyiasat tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pemimpin dan guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan kelas bercantum.

## 1. Pengenalan

Kajian berkaitan kelas bercantum mula menonjol hanya bermula dalam tahun 2020-2021. Oleh yang demikian, kewujudan kelas bercantum boleh dikatakan belum diketahui ramai di Malaysia. Kajian-kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan kelas bercantum masih kurang dijalankan di Malaysia dan ianya dibuktikan melalui dapatan kajian [Geviana dan Nurfaradilla \(2021\)](#). Pendidikan adalah untuk semua. Mana-mana kerajaan di serata dunia perlu bertanggungjawab menyediakan akses pendidikan untuk rakyat. Sekolah-sekolah kategori luar bandar mahupun kawasan pedalaman tidak tersisih daripada menerima pendidikan. Disebabkan ini, maka kelas bercantum diwujudkan di Sekolah Kurang Murid (SKM). Kelas bercantum merupakan langkah untuk menangani masalah keciciran di kalangan murid sekolah. Tidak sedikit negara di seluruh dunia turut sama melaksanakan kelas bercantum. Ianya bukan sesuatu yang baru bagi negara luar namun di Malaysia ianya sesuatu yang agak baru bagi orang ramai ([United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization \[UNESCO\], 2008](#)).

Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan bahawa Sekolah Kurang Murid merupakan salah satu di antara empat Kumpulan Berkeperluan Khas. Sekolah Kurang Murid (SKM) yang hanya mempunyai 30 ke bawah orang murid dianggap tidak kondusif. Namun begitu, Sekolah Kurang Murid tidak boleh ditutup ([Kementerian Pendidikan Malaysia \[KPM\], 2013](#)).

Satu alternatif dasar bagi penerusan pendidikan di luar bandar adalah dengan mewujudkan sekolah berpusat. Wakil rakyat berpendapat bahawa penggabungan sekolah kurang murid ini bertujuan untuk membina sebuah sekolah berpusat yang baru

supaya masalah sekolah-sekolah daif diselesaikan dan dapat menangani aspek keberkesanan kos dan peningkatan prestasi murid. Ianya juga bertujuan untuk mengurangkan kos penyelenggaraan yang tinggi. Terdapat beberapa SKM yang boleh digabungkan mengikut kesesuaian pelaksanaannya. Sekolah kurang murid yang berada berdekatan satu sama lain digabung secara berperingkat dan dipindah pusat ke sebuah sekolah berpusat baharu. Namun begitu, penduduk setempat yang berada dalam lingkungan sekolah agak konservatif dan majoritinya enggan bersetuju sekolah asal ditutup dan dipindahkan secara berpusat ke sebuah sekolah baru. Daerah Subis juga turut sama terlibat dengan isu penggabungan sekolah-sekolah kecil. Idea penggabungan sekolah kurang murid yang terdapat dalam daerah Subis juga kebanyakannya mendapat tentangan daripada masyarakat setempat yang kurang bersetuju dengan idea tersebut. Masing-masing mempertahankan sekolah di sekolah yang berdekatan dengan kampung masing-masing. Kajian dasar analisis [Mohd Yusoff dan Sufean \(2019\)](#) menyatakan bahawa bukan mudah menutup dan menggabung sekolah-sekolah kurang murid dengan cara memindah pusat ke tapak yang baru.

### 1.1. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau sejauh mana pelaksanaan kelas bercantum di sekolah kurang murid di luar bandar dari segi aspek kepimpinan guru besar dan keupayaan guru-guru yang berperanan sebagai pelaksana pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum.

### 1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengetahui bagaimana kepimpinan guru besar mengurus pelaksanaan kelas bercantum di sekolah kurang murid.
- ii. Mengetahui bagaimana guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum di sekolah kurang murid.

### 1.3. Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian terperinci adalah seperti berikut:

- i. Apakah corak kepimpinan guru besar yang sesuai digunakan untuk mengurus kelas bercantum?
- ii. Bagaimanakah kesediaan guru besar terhadap pelaksanaan kelas bercantum?
- iii. Bagaimanakah guru besar merancang pelaksanaan kelas bercantum?
- iv. Bagaimana kesediaan guru terhadap persiapan sebelum melaksanakan kelas bercantum?
- v. Bagaimana guru mengendalikan kelas bercantum semasa di dalam bilik darjah?
- vi. Bagaimana guru membuat refleksi dan melaksanakan intervensi selepas kelas bercantum dilaksanakan?


### 1.4. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan kerangka kajian LEPO [Philips et al. \(2010\)](#). Rangka kerja Persekitaran Pembelajaran, Proses Pembelajaran dan Hasil Pembelajaran (LEPO) ini berkonsepkan pembelajaran yang meliputi tiga komponen iaitu persekitaran yang memudahkan pembelajaran (*Learning Environment*), aktiviti yang merupakan sebahagian daripada pembelajaran (*Learning Process*) dan pengetahuan, tingkah laku,

kemahiran atau pemahaman yang boleh ditunjukkan hasil pembelajaran (*Learning Outcome*). Dua pihak umum berinteraksi dengan ketiga-tiga komponen ini, iaitu pelajar dan guru.


Rajah 1 menunjukkan Kerangka Konseptual Pendekatan LEPO, Philips et al. (2010). Ianya merupakan pengubahsuaian penuh berinovasi yang dibangunkan daripada kerangka asal yang sangat menarik. Kerangka asal tersebut dibina berasaskan tiga perkara iaitu 3-P Model Biggs (1989), Rangka Kerja Perbualan Laurillard (2002) dan Rangka Kerja Penilaian berpusatkan pembelajaran.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Joo (2016) mengulas bahawa model Biggs (1989) adalah pembelajaran yang mempunyai tiga komponen: Presage, Proses dan Produk, yang boleh ditafsirkan secara meluas sebagai apa yang berlaku sebelum, semasa dan selepas pembelajaran. Rajah 2 menunjukkan Perwakilan Model 3-P Biggs (1989). Ianya menerangkan bahawa komponen Presage mempunyai dua aspek: 'faktor pelajar' dan 'konteks pengajaran', manakala proses dan produk komponen adalah sama dengan proses pembelajaran dan komponen hasil pembelajaran rangka kerja LEPO.

Rajah 2: Perwakilan Model 3-P



Sumber: Biggs (1989)

Menurut Lee (2006), rangka kerja perbualan Laurillard (2002) mendekati pembelajaran secara pragmatik, dengan alasan bahawa terdapat empat aspek utama pembelajaran dan pengajaran iaitu perbincangan dalam bentuk huraian di antara guru dan murid,

interaksi murid antara murid dan beberapa perkara yang ditakrifkan oleh guru, penyesuaian yang dilakukan oleh guru dan tindakan pelajar serta refleksi yang berkaitan dengan prestasi murid dan guru.

Philips et al. (2010) mengatakan bahawa Rangka Kerja Penilaian berpusatkan pembelajaran adalah berasal dari cadangan Bain (1999). Satu rangka kerja untuk menilai keberkesanan e-pembelajaran, berdasarkan kerja awal oleh (Alexander & Hedberg, 1994; Reeves & Hedberg, 2003) yang memetakan fasa penilaian kepada fasa projek pembangunan e-pembelajaran. Inovasi Bain (1999) ialah untuk menambah dimensi kedua, iaitu persekitaran pembelajaran, proses pembelajaran dan hasil pembelajaran, dalam perancangan penyelidikan dan penilaian ke dalam e-pembelajaran.

Berpandukan maklumat yang diperoleh daripada Ayu Diana (2016), pengkaji kemudiannya memilih Model Pengurusan Perubahan Kotter (1995) dan Teori Kecerdasan Pelbagai untuk dijadikan sebagai konteks pendidikan yang dikaitkan dengan kerangka kajian LEPO Philips et al. (2010). LEPO boleh menyumbang kepada penambahbaikan dalam pembelajaran dan pengajaran persekitaran dalam dua cara. Pertama, ia boleh menyumbang kepada reka bentuk pendidikan pembelajaran dan pengajaran yang lebih baik persekitaran, dengan menumpukan perhatian pada semua aspek pembelajaran, sambil membenarkan pereka bentuk pendidikan memilih strategi khusus yang paling sesuai dengan konteks pembelajaran. Oleh yang demikian, pengkaji memilih kerangka konseptual kajian LEPO untuk diguna pakai dalam kajian ini.

## 2. Sorotan Literatur

Kebanyakan ibu bapa atau masyarakat percaya bahawa semakin kecil sekolah, semakin baguslah prestasi murid. Pendapat ini disangkal melalui kajian Marzita (2012), mendapati bahawa saiz sekolah bukanlah penentu kepada pencapaian, kecekapan dan keberkesanan sekolah tetapi ianya bergantung kepada faktor pengurusan kepimpinan yang penting dalam menentukan keberjayaan sesuatu dasar atau program di Sekolah Kurang Murid. Guru besar merupakan individu utama yang mempunyai pengaruh serta tanggungjawab besar dalam segala hal yang berlaku di sekolah.

Menurut Thomas dan Shaw (1992), terdapat empat elemen kritikal yang perlu dipertimbangkan dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred. Yang pertama adalah guru perlu mengamalkan amalan pengajaran yang lebih berkesan supaya ianya berkesan. Yang kedua, untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran berkesan, bahan dan input fizikal yang mencukupi seperti buku teks, buku panduan atau buku rujukan adalah amat penting. Ketiga, guru-guru perlu bekerjasama dan yang keempat, perlunya sokongan daripada pihak atasan misalnya pentadbir sekolah itu sendiri, Kementerian Pelajaran Malaysia dan mana-mana pihak yang berkaitan. Penggubalan dasar berkenaan dengan guru dan latihan pentadbir, pengambilan dan sokongan guru, dan pembangunan dan pembekalan bahan untuk menyokong pelbagai gred sekolah menjadi tidak dapat dielakkan apabila program perintis membawa kepada pengembangan skala besar. Mohamad, Mua'azam et al. (2016) melalui hasil penelitian mereka membuktikan bahawa amalan kepimpinan strategik dalam kalangan pemimpin adalah penting bagi memastikan kesediaan warga institusi bagi menghadapi sebarang perubahan yang berlaku. Oleh itu, adalah penting bagi pemimpin institusi untuk mengamalkan kepimpinan strategik bagi meningkatkan kesediaan warga institusi untuk



melaksanakan strategi dan inisiatif perubahan dengan mempamerkan ciri-ciri kepimpinan strategik.

Kajian [Jeffri \(2019\)](#) yang berfokuskan kepada kepimpinan guru besar menekankan tentang tanggungjawab guru besar dalam menyediakan infrastruktur dan infostruktur kelas bercantum, mengenal pasti guru yang pakar mengajar mengikut pengajian dan pengalaman semasa mengurus jadual waktu dan agihan guru mata pelajaran, menyediakan latihan kepada guru-guru supaya kemahiran guru yang mengajar kelas bercantum dapat ditingkatkan. Guru besar juga perlu menyampaikan informasi tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred supaya ibu bapa faham dan boleh bekerjasama dengan pihak sekolah demi untuk sama-sama membantu meningkatkan kualiti pembelajaran murid-murid. Kesesuaian corak kepimpinan dan pengurusan guru besar perlulah bersesuaian dengan sekolah yang berstatus sekolah kurang murid. [Azlin Norhaini et al. \(2020\)](#) mencadangkan apabila guru dikehendaki menghadiri kursus latihan, pergi ke mesyuarat daerah, atau mengambil masa bersalin cuti, guru besar perlu memikirkan cara untuk menampung kelas mereka bagi mengelakkan sebarang gangguan terhadap keberlangsungan pengajaran dan pembelajaran murid.

Kajian [Beihammer dan Hascher \(2015\)](#) yang dijalankan di sekolah rendah di Austria dan Finland memfokuskan kepada amalan pengajaran yang digunakan dalam kelas berbilang gred dan kepentingannya untuk diterapkan dalam pendidikan guru yang sesuai dengan pedagogi. Oleh itu, guru perlu membiasakan diri dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred. Dapatan kajian [Geviana dan Nurfaradilla \(2021\)](#) menunjukkan kajian berkaitan pendekatan pengajaran terbeza di kelas bercantum paling kerap dilaksanakan ialah pada tahun 2020 dan 2021. Namun, kajian-kajian yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran terbeza lebih cenderung berfokuskan kepada kawasan pedalaman berbanding di luar bandar dan majoriti kajian-kajian telah dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif.

Dari aspek pengetahuan guru, analisis menunjukkan guru percaya bahawa setiap murid mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan guru mengadaptasi serta melaksanakan aktiviti pembelajaran berdasarkan kebolehan, minat, kemahiran dan profil pembelajaran murid. Dari aspek amalan guru kelas bercantum, guru cenderung menggunakan bahan pembelajaran terbeza diikuti dengan penilaian yang berbeza mengikut tahap murid dan pembelajaran kolaboratif. Menurut pemerhatian [Ikhsan dan Rohizani \(2010\)](#), didapati Teori kecerdasan pelbagai yang diterap dalam pengajaran dan pembelajaran murid di dalam kelas mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Bukan sahaja mewujudkan suasana yang kondusif, malah dapat mengembangkan sikap dan nilai murni di kalangan murid.

## **2.1. Model Pengurusan Perubahan [Kotter \(1995\)](#)**

Amnya, proses pengurusan perubahan adalah satu sebuah mekanisme yang dibangunkan untuk mempermudah berlakunya perubahan. Di dalam sesebuah pengurusan perubahan, kualiti kepimpinan yang tinggi amatlah diutamakan. Pemantauan untuk mendapatkan kepastian tentang setiap tahap perubahan yang dikehendaki oleh pentadbir sekolah amatlah menguji kemampuan seseorang pengurus. Model ini mudah digabung dan diikuti. Ianya banyak diguna pakai kerana terdapat beberapa perkara yang menarik tentang model ini. Ianya memfokuskan diri individu pada penyediaan status quo untuk perubahan daripada mengubah pelaksanaannya

sendiri. Menurut [Kotter \(1995\)](#), terdapat 8 langkah dalam proses perubahan iaitu mencipta keperluan, membentuk pakatan yang kuat, mencipta visi perubahan, menyampaikan visi melalui komunikasi, menghapuskan halangan, membentuk sasaran, meneruskan pembinaan perubahan dan membudayakan perubahan dalam kehidupan.

Menurut [Kotter \(1995\)](#), langkah pertama yang perlu diambil oleh pemimpin dalam mengurus perubahan adalah dengan mencipta rasa mendesak bagi memotivasikan dan melibatkan ahli organisasi. Langkah kedua, pakatan yang kuat dibentuk iaitu dengan menentukan bidang kemahiran dan kepakaran yang tepat untuk pasukan yang akan bertanggungjawab bagi mendorong perubahan dalam organisasi. Langkah seterusnya, visi perubahan dicipta. Perhatian bukan hanya kepada strategi tetapi juga kreativiti, emosi dan objektif dasar atau latihan kepada ahli organisasi semua peringkat. Langkah keempat pula, visi disampaikan melalui komunikasi iaitu dengan bersikap telus dan kerap berkomunikasi dengan ahli organisasi mengenai perubahan yang dilaksanakan di semua peringkat. Pada langkah yang seterusnya, halangan dihapuskan iaitu dengan mendapatkan sokongan, menghilangkan sekatan halangan. Kemudian, kumpulkan maklum balas dengan cara yang membina organisasi semua peringkat. Sasaran yang tidak hanya memfokuskan kepada hasil akhir sahaja dibentuk. Tetapan matlamat pendek dan kenal pasti keberhasilan pencapaian jangka pendek semasa proses untuk meningkatkan semangat ahli organisasi. Langkah ke-tujuh, pembinaan perubahan diteruskan dengan menguatkan dan menjadikan perubahan sebagai sebahagian daripada budaya tempat kerja semua peringkat organisasi. Pemimpin harus sentiasa memberi dorongan semangat dan penghargaan kepada ahli organisasi. Langkah yang terakhir, perubahan dalam kehidupan tidak akan berlaku dengan pantas dan tidak semua halangan dapat dielakkan. Pemimpin perlu terus gigih semasa mengurus perubahan.

## 2.2. Teori Kecerdasan Pelbagai

Menurut [Rosidah \(2022\)](#), amalan pedagogi terbeza berkait rapat dengan teori Kecerdasan pelbagai. Teori ini mampu mengembangkan kecerdasan pelbagai kita melalui pendidikan yang menyeluruh. Ada lapan kecerdasan yang terkandung dalam teori tersebut yang terbahagi kepada pelbagai kebolehan, kemampuan dan kebolehan atau bakat semula jadi manusia. Lapan Kecerdasan Gardner adalah verbal-lingustik, logik-Matematik, visual ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Teori Kecerdasan Pelbagai ([Wikipedia, 2022](#)).

## 3. Metod Kajian

### 3.1. Reka bentuk kajian

Kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini dipilih berdasarkan faktor batasan kajian dan lokasi kajian. Hanya terdapat dua buah sekolah sahaja yang melaksanakan kelas bercantum di dalam daerah Subis. Reka bentuk ini adalah yang paling sesuai digunakan kerana bilangan responden yang sedikit. Dalam mencari maklumat tentang sesuatu situasi dan individu secara terperinci dan mendalam, kajian kualitatif mampu merangkan semua proses, langkah dan mencari jawapan sebab berlakunya sesuatu yang dikaji. Kajian kes juga memfokuskan kepada penghuraian yang holistik atau menyeluruh dan memberikan penjelasan kepada sesuatu peristiwa yang berlaku secara mendalam. Fungsi utama kajian kes ini digunakan supaya maklumat tentang pelaksanaan kelas bercantum di sekolah sampel dapat diperoleh secara mendalam dan terperinci. Kaedah

kajian kes yang diguna pakai dalam kajian ini juga disebut kajian deskriptif. Kajian kes tentang pendidikan yang berkaitan dengan manusia akan dapat menemui jalan penyelesaian yang realistik serta berasas jika menggunakan kajian kes. Bagi peristiwa, kajian ini melibatkan pelaksanaan kelas bercantum sebagai peristiwa yang dikaji. Maklumat kajian diperolehi secara langsung daripada peserta kajian merupakan sampel kajian manakala sekolah pula merupakan tempat sebenar berlakunya kelas bercantum.

### 3.2. Lokasi kajian

Dua buah Sekolah Kurang Murid (SKM) yang terletak di bawah pengurusan Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Subis menjadi tumpuan kajian kualitatif ini dijalankan. Subis juga dikenali sebagai Sibuti. Pekan pentadbiran adalah Bekenu. Ia mempunyai keluasan 4,707 kilometer persegi atau 1,817 batu persegi.

Terdapat 49 buah sekolah yang terletak di dalam Daerah Subis. Sekolah-sekolah tersebut terdiri daripada 4 buah sekolah rendah jenis Sekolah Kebangsaan Jenis Cina, 40 buah sekolah rendah jenis Sekolah Kebangsaan dan 5 buah sekolah menengah jenis Sekolah Menengah Kebangsaan. Bermula dari tahun 2018 sehingga masa kajian ini dilakukan, hanya terdapat dua buah sekolah kurang murid (SKM) yang berenrolmen bawah 30 orang murid di daerah ini yang melaksanakan kelas bercantum, maka SK Kampung Masjid dan SK Rumah Barat dipilih untuk menjadi lokasi kajian.

Sekolah kajian dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Kedua-dua sekolah dapat dihubungi terus melalui perjalanan darat. Untuk sampai ke Sekolah Kebangsaan Kampung Masjid, perjalanan mengambil masa lebih kurang 1 jam atau 45 minit iaitu sejauh 48 kilometer jalan persisiran pantai dan 68 kilometer jalan Miri-Bintulu dari pusat bandar raya Miri. Manakala untuk sampai ke sekolah kedua yang dikaji, perjalanan mengambil masa kira-kira dua kali ganda jarak sekolah pertama dari Miri. Subis adalah tempat perhentian yang terkenal sebelum sampai ke Suai, Niah dan Bintulu. Umumnya, ini terkenal dengan tanaman kelapa sawit, hasil perikanan dan tanaman seperti buah-buahan dan sayuran hutan. Latar belakang masyarakat di kedua-dua sekolah adalah berbeza. Di sekolah pertama, majoriti penduduk terdiri daripada kaum Kedayan dan Melayu manakala majoriti penduduk di sekolah kedua adalah terdiri daripada kaum Iban.

### 3.3. Sampel Kajian

Sampel dipilih dari dua buah sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan kelas bercantum. Saiz sampel adalah kecil kerana memang hanya dua buah sekolah di daerah Subis yang melaksanakan kelas bercantum dan dipilih secara bertujuan. Kesemua sampel akan memberi dapatan berkenaan dengan kepimpinan guru besar dalam mengurus kelas bercantum, memberi maklumat tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum serta cabaran atau masalah yang melibatkan guru besar dan guru-guru. Hanya seramai 8 responden yang terlibat dan menjadi sampel kajian. Sampel kajian adalah merujuk kepada dua orang guru besar, 2 orang guru penolong kanan 1 dan 4 orang guru akademik dari kedua-dua buah sekolah yang dikaji. [Jadual 1](#) menunjukkan kesemua subjek dirujuk mengikut kod-kod dengan bertujuan untuk melindungi maklumat responden seperti yang disarankan oleh [Sharp \(2003\)](#). Ianya membolehkan segala maklumat diperolehi dengan terperinci dan mendalam bagi memudahkan pengkaji membuat analisis dan pemerhatian yang seterusnya.



Jadual 1 : Kod Sampel Kajian

Lokasi Kajian	Responden	Kod
SK A	Responden 1	GB 1
	Responden 2	G1
	Responden 3	G2
	Responden 4	G3
	Responden 5	GB 2
SK B	Responden 6	G4
	Responden 7	G5
	Responden 8	G6

### 3.4. Instrumen Kajian

Pengkaji adalah instrumen utama memungut data kerana pengkaji berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhati sendiri fenomena yang dikaji. Selain itu, temu bual tidak berstruktur, temu bual separa berstruktur, borang pemerhatian, dokumen-dokumen bertulis seperti jadual persendirian guru, rancangan mengajar harian, rancangan mengajar tahunan, panduan pemetaan, surat siaran atau surat pekeliling, pernyataan parlimen dan kajian-kajian lepas untuk dianalisis. Temu bual tidak berstruktur ini tidak menggunakan soalan yang disediakan terlebih dahulu. Temu bual ini dilakukan secara spontan. Hal ini bertujuan untuk meneroka pendapat atau perasaan responden tentang pelaksanaan kelas bercantum di sekolah. Ianya dilakukan secara tidak formal dan spontan di antara pengkaji dan responden. Contoh soalan spontan yang telah dicatat oleh pengkaji yang pengkaji ajukan adalah "*Apa pendapat awak tentang kelas bercantum? OK tak? Berapa lama sudah bertugas di sekolah ini?*" Soalan-soalan ini dijadikan pembuka bicara sebelum soalan separa berstruktur diutarakan semasa temu bual dijalankan secara bersemuka mahupun melalui telefon. Pengkaji menemu bual secara tidak berstruktur setelah melihat kesukaran pihak pentadbir menyusun atur jadual waktu.

Tujuan temu bual ini adalah untuk memahami lebih lanjut tentang perasaan responden terhadap pelaksanaan kelas bercantum di sekolah kajian. Pada peringkat kedua semasa temu bual diadakan, sebanyak 6 soalan berstruktur disoal kepada semua responden yang terlibat. Responden disoal seorang demi seorang dengan soalan yang sama. Menurut [Chua \(2014\)](#), tiada format khas untuk borang pemerhatian. Oleh itu, pengkaji telah mereka sendiri borang pemerhatian berdasarkan persoalan-persoalan kajian dan juga berpandukan kerangka konseptual kajian yang diguna pakai dalam kajian ini.

### 3.5. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut [Leedy dan Ormrod \(2014\)](#), kajian rintis merupakan cara yang terbaik untuk menentukan kajian sebenar dapat dilakukan dengan sempurna. Ianya dapat memudahkan lagi kajian sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis yang dilakukan dengan mencari dan mengkaji kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Beberapa dokumen seperti butiran ringkas responden, jadual waktu mengajar guru, rekod persediaan mengajar guru iaitu rancangan mengajar harian guru, surat-surat pekeliling, panduan pemetaan dan panduan pengurusan kelas bercantum dikumpulkan serta diteliti terlebih dahulu. Instrumen kajian soalan temu bual separa berstruktur dan borang pemerhatian digunakan dalam kajian ini. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan adalah perlu bagi memastikan item yang dibina dalam soalan temu bual boleh membantu memberi jawapan kepada persoalan kajian. Setelah soalan temu

bual dan borang pemerhatian dirangka, terlebih dahulu diuji dengan beberapa orang rakan guru data yang diperoleh daripada hasil temu bual merupakan mempunyai kesahan yang tinggi. Hal ini demikian kerana pengkaji memperoleh maklumat secara langsung daripada responden. Menurut Chua (2014), kesahan dan kebolehpercayaan dapat dipastikan sekiranya pengkaji melakukan perbandingan di antara sumber-sumber dapatan seperti hasil temu bual, hasil pemerhatian dan hasil penganalisan data.

### **3.6. Proses Pengumpulan Data**

Terdapat tiga cara pengumpulan data telah diguna pakai dalam kajian ini iaitu temu bual, pemerhatian dan penganalisan dokumen-dokumen serta kajian-kajian lepas yang berkaitan. Tujuan ketiga-tiga kaedah ini digunakan adalah untuk mendapat maklumat yang selengkap, sedalam, sejelas dan terperinci tentang pelaksanaan kelas bercantum yang dijalankan di Sekolah A dan Sekolah B. Hal ini disebabkan melalui komunikasi secara langsung di antara pengkaji dan responden, pemerhatian terhadap apa yang berlaku serta penganalisan ke atas dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kelas bercantum dan membolehkan pencungkilan data dibuat secara meluas dan mendalam.

### **3.7. Tatacara Penganalisan Data**

Segala data yang diperoleh dicatat dalam bentuk nota. Kemudian dianalisis mengikut kaedah deskripsi. Data dianalisis dengan menggunakan beberapa cara seperti membuat perbandingan respon-respon yang diterima dari para responden dengan sumber-sumber lain seperti kajian-kajian lepas, dapatan daripada pemerhatian yang diperhati.

## **4. Hasil Kajian**

### **4.1. Kepimpinan Guru Besar SKM dalam Mengurus Kelas Bercantum**

Dapatan kajian dapat terbahagi kepada dua aspek besar iaitu pengurusan kelas bercantum dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum. Dapatan yang pertama ini dapat memberi gambaran tentang kepimpinan guru besar dari segi persediaan dalam melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang pelaksanaan kelas bercantum. Hasil daripada temu bual GB 1 dan GB 2, terdapat banyak persamaan dari segi pendapat. Kedua-dua pada dasarnya memang tidak bersetuju dengan pelaksanaan kelas bercantum kerana ianya merumitkan lagi keadaan sedia ada di sekolah kurang murid di luar bandar. Kedua-dua responden GB 1 dan GB 2 tidak pernah mendapat sebarang taklimat atau kursus tentang pelaksanaan kelas bercantum disebabkan baru sahaja ditugaskan di sekolah semasa. GB 1 yang pada asalnya berkhidmat di sekolah besar di bandar merasakan suasana dan keadaan di sekolah amatlah berbeza. GB 1 mengatakan bahawa terasa mati akal apabila ditempatkan di Sekolah Kurang Murid (SKM) yang bilangan muridnya amat sedikit. Yang paling ketara adalah sukar untuk menghantar pasukan sekiranya hendak menyertai mana-mana pertandingan sukan dan permainan. Walaupun tidak pernah menghadiri taklimat atau kursus tentang kelas bercantum, dengan merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2017 iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Kelas Bercantum Dengan Pengajaran Pelbagai Gred [KPM.100-1/7/2 Jld.4 (45) bertarikh 12 Disember 2017 yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan

Malaysia, secara asasnya GB1 dan GB2 faham tentang konsep asas tetapi masih perlukan panduan yang lebih jelas dan banyak.

Dapatan yang kedua adalah tentang pengurusan fizikal kelas bercantum seperti penetapan lokasi bilik darjah, penyusunan meja dan kerusi. Pengurusan ini masih boleh diurus dengan sebaik-baiknya walaupun sekolah adalah kategori sangat daif, usang dan kurang selamat. Di SK A, bilik darjah untuk Tahun 1 hingga Tahun 6 dapat disusun mengikut urutan manakala di SK B, didapati kedudukan bilik-bilik darjah tidak tersusun mengikut urutan tahun persekolahan murid. Ini disebabkan penetapan bilik darjah mengambil kira bilangan murid, kapasiti atau muatan mengikut saiz bilik darjah yang ada. Susunan kerusi dan meja murid disusun secara menyeluruh dan rata tetapi kedudukan murid adalah berasingan mengikut tahun persekolah.

Dapatan yang ketiga adalah penetapan guru mata pelajaran. Berdasarkan enrolmen murid SK A dan SK B, kedua-dua sekolah mempunyai kuota guru seramai 7 orang. [Jadual 2](#) menunjukkan data berkenaan kuota guru dan opsyen guru di SK A dan SK B.

Jadual 2 :Kuota Guru dan Opsyen Guru di SK A dan SK B

Sekolah	Kuota Guru	Bil. Guru	Opsyen/Pengajian Guru
SK A	7	7	Pengajian Melayu/Matematik Pengajian Melayu (Psr) Muzik/Pengajian Melayu Bahasa Inggeris /Seni Visual Matematik (Psr) Pendidikan Islam Sains/Matematik Sains Kemahiran Hidup/Perhutanan Bahasa Melayu
SK B	7	7	Bahasa Inggeris/Kajian Tempatan Bahasa Inggeris/Bahasa Iban Sejarah/Rbt Am/Pendidikan Moral

Jika dilihat, taburan opsyen guru yang ada di kedua-dua sekolah boleh dikatakan tidak dapat melengkapkan semua mata pelajaran murid dan opsyen guru yang ada boleh dikatakan tidak seimbang. Di SK A, terdapat dua orang guru beropsyen Pengajian Melayu. Begitu juga dengan di SK B iaitu terdapat dua orang guru beropsyen Bahasa Inggeris. Walaupun tidak seimbang, taburan opsyen guru di SK A lebih baik daripada taburan opsyen guru di SK B. Ini kerana SK A mempunyai guru opsyen mata pelajaran teras. Tidak seperti di SK B, tiada langsung guru beropsyen Matematik. Susunan dan penetapan guru subjek mengikut opsyen dan pengajian sebenar guru amat sukar dilakukan lebih-lebih di SK B. Kuota guru di SK A dan SK B pada asalnya adalah tepat iaitu seramai 7. Namun demikian, SK B mengalami kekurangan satu kuota guru apabila seorang guru telah meletak jawatan pada bulan Oktober 2022 yang lepas. Ini menyebabkan SK B kekurangan seorang guru.

Dapatan yang seterusnya adalah tentang jadual waktu mengajar guru. Didapati SK A hanya mempunyai sebuah sahaja kelas bercantum iaitu kelas Tahun 4 dan Tahun 5. Ini kerana tiada murid berdaftar dalam Tahun 3 bagi sesi 2022-2023. Apabila guru penolong kanan HEM SK A ditanya oleh pengkaji, beliau menjelaskan bahawa dua orang

murid yang sepatutnya berada dalam Tahun 2 telah berpindah sekolah sejak Tahun 1 lagi. SK B mempunyai dua buah kelas bercantum iaitu kelas Tahun 2 bercantum dengan Tahun 3 dan Tahun 4 bercantum dengan Tahun 5. Apabila pengkaji menemu bual secara spontan dan bersemuka Guru Penolong Kanan Pentadbiran dari SK A, beliau merasa sedikit lega dengan mempunyai sebuah kelas bercantum sahaja. Tambah beliau, sanggup lagi mengajar masa lebih daripada mengajar kelas bercantum. Pendapat beliau sama dengan pendapat Guru Penolong Kanan Pentadbiran di SK B.

Pengurusan jadual waktu mengajar guru sekali lagi merungkai banyak dapatan tentang sukarnya untuk pihak pentadbir mengurus dan menyusun jadual. Seperti yang kita sedia maklum, Sekolah Kurang Murid (SKM) tidak terkecuali daripada pelbagai dasar dan program. Contohnya, *Dual Language Programme* (DLP), *Highly Immersive Programme* (HIP), *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) dan banyak lagi tidak kira besar mahupun kecil. Di SK A, memandangkan memang sudah mula dengan Program Transformasi Sekolah (Ts25), urusan pihak pentadbir adalah lebih mudah jika dibandingkan dengan SK B.

Pertembungan Program *Dual Language Programme* (DLP) dan dasar pelaksana kelas bercantum mewujudkan krisis dalam pengurusan jadual waktu di SK B. Ianya merumitkan lagi pengurusan dan pelaksanaan kelas bercantum di mana pihak pentadbir mengalami kesukaran dalam penetapan guru mata pelajaran, agihan waktu mengajar. Apabila peluasan DLP berlaku tahun demi tahun persekolahan, untuk mata pelajaran Sains dan Matematik, murid yang berada di kelas bercantum Tahun 2 & 3 pada mulanya perlu diajar secara berasingan. Pada tahun 2021, apabila tiba waktu kelas Matematik, terdapat dua orang guru mata pelajaran yang mengajar serentak masa tetapi salah satu kelas akan berada statik di dalam kelas manakala murid dan guru dalam kelas Tahun 3 beredar ke dewan. Sehingga peluasan DLP sampai ke Tahun 3, barulah sedikit mudah untuk membuat percantuman kelas Tahun 2 dan Tahun 3 dari segi penyusunan jadual dan penetapan guru mata pelajaran. Guru mata pelajaran hanyalah seorang dan murid-murid juga tidak perlu bergerak atau berpecah ke ruang bilik lain. Pengkaji yang bersifat futuristik iaitu berpandangan jauh membuat satu andaian bahawa masalah ini akan berulang semula di SK B pada sesi persekolahan 2023-2024 yang akan datang. Program DLP di SK B diperluaskan lagi ke Tahun 4. Maka, kelas Tahun 4 & Tahun 5 yang akan datang turut akan menghadapi masalah yang sama.

Satu contoh Jadual waktu Induk yang diambil dari SK B diselitkan dalam kajian ini. Penelitian kedua yang berkaitan dengan jadual waktu mengajar guru adalah tentang penyusunan waktu kelas Pendidikan Jasmani. Penyusunan jadual di SK B melanggar pekeliling di mana Kelas PJ tahun 1, 2 & 3 digabung menjadi satu kelas dan kelas tahun 4,5 & 6 juga digabung menjadi 1 kelas. Tambahan pula, ianya bertujuan untuk mengatasi bilangan murid yang amat sedikit. Walaupun gabungan 3 kelas dibuat, untuk membentuk satu pasukan bola sepak pun sukar apatah lagi untuk membentuk satu set perlawanan yang lengkap pemainnya. Begitu juga dengan syarat penetapan guru subjek yang mengajar Pendidikan Kesenian Tahun 1 hingga Tahun 4. Kehendak dan tetapan Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) seperti yang disarankan dalam Peruntukan Masa KSSR (Semakan 2017) Rasmi KPM tidak dapat dipenuhi sepenuhnya kerana kekurangan di SK B. Inisiatif-inisiatif sebegini diambil bagi mengatasi masalah kekurangan guru di SK B. Dapatan yang seterusnya adalah pertindihan jawatan guru, senarai jawatan guru terlalu banyak dan berat. [Jadual 3](#) menunjukkan Peruntukan Bilangan Waktu Mengajar Guru yang diperoleh daripada [Gags Teacher \(2022\)](#). Guru - guru di kedua-dua sekolah yang dikaji tidak dapat mengikut peruntukkan sebenar

seperti pada jadual tersebut kerana terpaksa mengajar lebih masa. Keadaan ini menyebabkan Guru Penolong Kanan Pentadbiran termasuk guru-guru lain mengalami dilema antara tugas mengajar dan tugas mentadbir.

Jadual 3: Peruntukan Bilangan Waktu Mengajar Guru

Jawatan/Tugas	Gred	Bil. Waktu Mengajar	Rujukan Pekeliling
Guru Besar	DGA32H/DGA34 H	Sekurangnyanya 5	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2007
Guru Besar Cemerlang	DGA38KUP	Sekurangnyanya 5	Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 pindaan 1982 Bil. 11/07
Guru Penolong Kanan	DGA32H/	Sekurangnyanya 12	Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 pindaan 1982+Bil. 11/07
Penyelia Petang	DGA32H/	Sekurangnyanya 12	Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 pindaan 1982 Bil. 11/07
Guru Kaunseling	DGA29/DG41	Tiada	Surat Kp(Pp)0051/1/Jld.8/(24) Bertarikh 3 Ogos 2002
Guru Penyelaras Bestari	DGA29/DG41	Antara 6-8	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2005
Guru Perpustakaan/Media	DGA29/DG41	Antara 6-8	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2005
Guru Pemulihan	DG41	30 Waktu	Mengikut Pekeliling Sedia Ada
Guru Data (Tambah 20 waktu pengurusan data)	DGA29/DG41	<12 Waktu	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2007
Guru Cemerlang	DGA32/DGA34	12-22	Pekeliling Perkhidmatan bilangan 11 Tahun 2007
Guru Akademik Biasa	DGA29/DGA32T B	22-30	Pekeliling Perkhidmatan bilangan 11 Tahun 2007
Guru Akademik Biasa (Menjalankan Tugas Pentaadbiran)- Dibayar ETJ	DGA29	12-17	Pekeliling Perkhidmatan bilangan 11 Tahun 2007
Guru J-QAF	DG41/DG44	22-30	Pekeliling Perkhidmatan bilangan 11 Tahun 2007
Guru Penolong Agama	DGA29/DGA32T B	22-30	Pekeliling Perkhidmatan bilangan 11 Tahun 2007
Guru Panduan Khas untuk SM /SMT/SMV	Ikut Waran	12 Waktu	Pindaan Kepada Pekeliling Pentadbiran Bilangan 3/1967
Guru Setiausaha Sukan	DGA29/DGA32T B	Sekurangnyanya 18	Pindaan Kepada Pekeliling Pentadbiran Bilangan 3/1967

Sumber: [Gags Teacher \(2022\)](#)

Melindungi Masa Instruksional (MMI) sukar untuk direalisasikan di Sekolah Kurang Murid. Kekurangan guru amatlah terasa lebih-lebih lagi apabila guru tidak hadir bertugas contohnya guru yang Cuti Rehat Khas (CRK), menghadiri taklimat, mesyuarat, bengkel, kursus atau guru yang cuti bersalin. Peratusan kehadiran guru yang rendah memberi kesan kepada pelaksanaan kelas bercantum. MMI tidak dapat dilindungi. Namun demikian, pengawalan murid dan kelas masih terkawal di kedua-dua sekolah yang dikaji. Dapatan kajian [Marzita \(2012\)](#) amatlah disokong dengan penemuan dari SK



A dan SK B. Semasa ketiadaan guru, walaupun jadual *teach-in* agak sukar diurus, pihak pentadbir dan guru-guru mengambil inisiatif dengan membuat gabungan lebih dari dua kelas yang sedia ada bercantum. Keselamatan dan kawalan murid diutamakan tetapi dari segi penyampaian pengajaran dan pembelajaran guru yang melaksanakan *teach-in* agak terganggu. Secara keseluruhannya, kedua-dua pentadbir utama sekolah mempunyai pendapat bahawa mudah dari segi kawalan dan pengurusan murid kerana bilangan murid yang amat sedikit jika dibandingkan dengan murid yang ramai di sekolah besar.

#### 4.2. Pengajaran dan Pembelajaran Kelas Bercantum

Hasil temu bual separa berstruktur di antara pengkaji dengan guru besar SK A, beliau mengatakan prestasi pencapaian murid sangat bergantung dengan kepakaran serta pendekatan pedagogi guru gunakan selain faktor keupayaan atau minat murid sendiri. GB1 mengatakan bahawa prestasi murid-murid di SK A berbeza-beza mengikut subjek. Respons yang GB 1 dan GB 2 berikan dikukuhkan lagi berdasarkan rekod pencapaian PBD murid Prestasi akademik murid di SK A dan SK B yang dirujuk oleh pengkaji. Didapati prestasi murid hampir sama di kedua-dua sekolah. Prestasi murid agak memuaskan namun masih berada pada tahap sederhana. Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan borang pemerhatian pengajaran dan pembelajaran, majoriti guru yang sempat diperhati menghadapi masalah dan cabaran yang sama. Didapati, guru-guru yang mengajar kelas bercantum mengalami kesukaran sebelum, semasa dan selepas pengajaran dan pembelajaran kelas bercantum dilaksanakan.

Melalui borang pemerhatian yang telah diisi oleh pengkaji, didapati majoriti responden atau subjek kajian menghadapi masalah besar dalam penyediaan rancangan mengajar tahunan. Pengkaji mendapati panduan pemetaan lama yang dibekalkan oleh KPM untuk membantu guru membuat rancangan pelajaran tahunan adalah tidak meliputi semua mata pelajaran. Sebelum kelas berlangsung, guru menghadapi cabaran menyediakan objektif pembelajaran, isi pelajaran, bahan bantu mengajar, lembaran kerja, dan kaedah pentaksiran yang banyak, sekurang-kurangnya dua set untuk murid yang berbeza tahun persekolahan dalam tempoh masa yang singkat dan ia membebankan mereka. Semasa kelas berlangsung, walaupun murid tidak ramai, guru sukar memberi tumpuan kepada semua murid dengan serentak. Selepas kelas dilaksanakan, refleksi kurang difikirkan dan ditulis secara berfokus akibat daripada penumpuan guru terhadap murid semasa di dalam kelas. Maka, intervensi pun tidak mampu dirancang dengan baik. Bukan itu saja, selitan pendidikan sivik dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) tenggelam timbul kerana ada kalanya guru-guru lupa untuk menyelitkannya. Begitu juga dengan selitan unsur KBAT dan PAK-21 dalam pengajaran dan pembelajaran kelas bercantum yang tidak disengajakan terabai.

Pengkaji mendapati hanya 3 orang responden yang terlibat dalam kajian ini yang pernah menghadiri kursus pada tahun 2017 dan 2018 yang lalu. Walaupun pernah menghadiri kursus tentang pelaksanaan kelas bercantum, mereka turut sama menghadapi cabaran serupa dengan yang dihadapi oleh responden yang lain.

#### 5. Perbincangan Kajian

Kajian ini telah merungkai dengan jelas bagaimana guru besar selaku pentadbir dan pemimpin mengurus kelas bercantum dan secara terperinci, pengkaji juga telah melihat

lebih dalam bagaimana guru selaku pelaksana pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred mengajar dalam kelas bercantum. Analisis data telah memberikan dapatan untuk semua persoalan kajian. Inisiatif yang diambil oleh pihak pentadbir di SK B bagi mengatasi krisis pertembungan program DLP dengan dasar kelas bercantum, inisiatif pencantuman kelas Pendidikan Jasmani diharap dapat dipertimbangkan dan diatur semula oleh pihak yang bertanggungjawab. Ikhtiar sebegini mungkin boleh dicontohi tetapi adalah lebih elok jika dasar program-program ini dikaji semula oleh pihak yang berkenaan.

Isu beban guru di sekolah kurang murid di luar bandar boleh dikurangkan sekiranya penempatan dan perjawatan guru diagih dengan seimbang agar guru dapat mengajar mengikut opsyen atau pengajian sebenar guru. Selain itu, peruntukkan masa mengajar guru penolong kanan di sekolah kurang murid perlu dilihat semula supaya guru penolong kanan dapat melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dengan baik. Para guru termasuk guru besar memerlukan latihan atau bengkel pengurusan dan pemantapan pedagogi pengajaran dan pembelajaran kelas bercantum.

## **6. Kesimpulan**

Kesimpulannya, cabaran pelaksanaan kelas bercantum di Daerah Subis diharap dapat diringankan. Cabaran mungkin dapat diringankan sekiranya sekolah kurang murid mendapat bantuan dan sokongan dari semua pihak yang berkenaan. Seandainya sukar untuk mengatasi cabaran-cabaran pengurusan dan pelaksanaan kelas bercantum di Sekolah Kurang Murid, maka cadangan penggabungan sekolah kecil perlu dilihat semula.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan dengan merujuk kepada Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilaksanakan dalam kajian ini melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian juga diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pensyarah penyelia di atas bimbingan yang diberikan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua responden yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini dijalankan tanpa menerima sebarang tajaan daripada mana-mana pihak.

## **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tiada mengalami sebarang konflik yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan dan penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Alexander, S., & Hedberg, J. G. (1994). Evaluating Technology-Based Learning: Which Model? In K. Beattie, C. Mcnaught & S. Wills (Eds.), *Multimedia In Higher Education: Designing For Change In Teaching And Learning*. Amsterdam: Elsevier.,(A59), 233–244.
- Ayu Diana Awang. (2016). *Pengurusan Perubahan Dalam Organisasi. Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan*. Institut Koperasi Malaysia (IKMa). <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-51/51-8.pdf>
- Azlin Norhaini Mansor, Aida Hanim A Hamid, & Bity Salwana Alias. (2020). Challenges And Strategies In Managing Small Schools: A Case Study In Perak, Malaysia. *Educational Management Administration & Leadership*, 50(4), 694–710.
- Bain, J. D. (1999). Introduction To Special Issue On Learning Centered Evaluation Of Innovation In Higher Education. *Higher Education Research and Development*, 18(2), 165-172.
- Beihammer, E. K. H., & Hascher, T. (2015). Multigrade Teaching in Primary Education as a Promising Pedagogy for Teacher Education in Austria and Finland. *International Teacher Education: Promising Pedagogies*, DOI:10.1108/S1479-368720150000022005
- Biggs, J. B. (1989). Approaches To The Enhancement Of Tertiary Teaching. *Higher Education Research and Development*, 8(1), 7–25.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. (Edisi Keempat)*. Mcgraw-Hill Education.
- Gags Teacher. (2022, 13 November ). Agihan Waktu Mengajar Guru Di Sekolah Ikut Pekeliling. *Gags Teacher Magazine*. <https://www.gagsteacher.com/2022/02/agihan-waktu-mengajar-guru-di-sekolah.html>
- Geviana Gladisya George & Nurfaradilla Mamad Nasri. (2021). Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan Amalan Guru Kelas Bercantum di Sekolah Kurang Murid (Kajian Literatur Sistematis). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-494
- Ikhsan Othman & Rohizani Yaakub. (2010). Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pelaksanaan Kurikulum. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 21–32
- Jeffri Idris. (2019). Understanding School Leaders' Challenges and Needs in THE Management of Multigrade Classrooms. Proceedings of The *International Academic Conference on Education*. <https://www.doi.org/10.33422/iaceducation.2019.11.673>. 77-87
- Joo, J. (2016). *Uncovering the Layers of Design Processes of a Global Undergraduate Engineering Course: An Interactional Ethnographic Approach*. (Publication No.308787091) [Doctoral thesis, University of California, Santa Barbara]. ResearchGate.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kotter, J. P. (1995). Leading Change: Why Transformation Efforts Fail? *Harvard Business Review*, 59-67.
- Laurillard, D.M. (2002). *Rethinking University Teaching: A Conversational Framework For The Effective Use Of Learning Technologies* (2nd ed.). London: Routledge.
- Lee, N. (2006). Design As a Learning Cycle: A Conversational Experience. Innovation and Development. *Studies in Learning, Evaluation Innovation and Development* 3(2), 12-22.

- Leedy, P. D., & Ormrod, J. E. (2015). Practical Research. Planning And Design. *Journal of Applied Teaching and Learning*. 1(2), 73-74  
<https://doi.org/10.37074/jalt.2018.1.2.15>
- Marzita Abu Bakar. (2012). Sekolah Kurang Murid: Saiz Sekolah Penentu Keberkesanan Sekolah?. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 23(1), 91-101
- Mohamad, Mua'azam, Don, Yahya, Ismai & Siti Noor. (2016). Kepimpinan Strategik Dan Hubungannya Dengan Kesianaan Perubahan Warga Organisasi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2).
- Mohd Yusoff Mohd Nor & Sufean Hussin. (2019). *Demokrasi Pendidikan: Dilema Sekolah Kecil & Sekolah Berpusat*. Universiti Malaya.
- Phillips, R. A., McNaught, C., & Kennedy, G. (Eds.). (2010). Proceedings of the 22nd annual World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia & Telecommunications. *ResearchGate*.  
[https://www.researchgate.net/publication/229046302\\_Towards\\_a\\_generalised\\_conceptual](https://www.researchgate.net/publication/229046302_Towards_a_generalised_conceptual)
- Reeves, T. C., & Hedberg, J. G. (2003). *Interactive Learning Systems Evaluation*. Englewood Cliffs, New Jersey: Educational Technology Publications.
- Rosidah Ramli. (2022). *Pengaruh Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Efikasi Kendiri Guru, Persepsi Guru Dan Kepimpinan Instruksional Pengetua Terhadap Amalan Pedagogi Terbeza*. [Doktor Falsafah], Universiti Utara Malaysia.
- Sharp, C.A. (2003). Qualitative Research and Evaluation Methods. *Evaluation Journal of Australasia*, 3(2), 23-35. <https://doi.org/10.1177/1035719X0300300213>
- Thomas, C & Shaw, C. (1992). *Issues in the Development of Multigrade Schools*. Washington, D.C.: The World Bank
- UNESCO. (2008). *Ringkasan: Konvensyen-Konvensyen Dan Undang-Undang Yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-Kanak Untuk Kualiti Pendidikan Di Persekitaran Yang Menyeluruh*. UNESCO Asia and Pacific Regional Bureau for Education.
- Wikipedia (2022, November 13). Theory Of Multiple Intelligences. *Wikipedia*.  
[https://en.wikipedia.org/wiki/Theory\\_of\\_multiple\\_intelligences](https://en.wikipedia.org/wiki/Theory_of_multiple_intelligences)